

11/04/2004

Bidang pendidikan masih jadi keutamaan kerajaan

MUKAH: Bidang pendidikan menjadi keutamaan kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan kerana menerusi usaha meningkatkan taraf pendidikan rakyat saja dapat memastikan Wawasan 2020 dicapai sepenuhnya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ilmu pengetahuan yang dimiliki rakyat sama ada di bandar dan luar bandar, dapat memastikan maruah negara yang selama ini dipandang rendah beberapa negara maju dapat diperbaiki.

Katanya, keadaan ini juga menyebabkan kerajaan memberi penekanan utama kepada penguasaan Bahasa Inggeris, supaya rakyat negara ini memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang sebahagian besarnya masih dalam bahasa berkenaan.

"Penekanan yang diberikan kerajaan terhadap bidang pendidikan termasuk menggalakkan rakyat menguasai Bahasa Inggeris, banyak membantu meningkatkan imej negara.

"Oleh itu, pelbagai kemudahan pendidikan disediakan di semua sekolah seperti makmal komputer dan laluan internet kerana adanya kemudahan ini, rakyat dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakyat negara lain di dunia," katanya ketika berucap di sini, semalam.

Sehubungan itu, katanya, semua guru dan pelajar mestilah menggunakan kemudahan yang disediakan kerajaan dengan sebaik-baiknya, supaya segala usaha yang dilaksanakan kerajaan tidak menjadi sia-sia.

Terdahulu beliau melancarkan Program Permulaan Teknologi, Komunikasi dan Maklumat (ICT) Cambridge di Sekolah Kebangsaan (SK) Awang Udin di sini.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Pengarah Pendidikan Negeri, Dr Adi Badiozaman Tuah; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd Asfia Awang Nassar dan Ahli Parlimen Kuala Rajang, Datuk Abdul Wahab Dolah.